

SOALAN NO. 377**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapa jumlah bilangan kakitangan Kerajaan yang ada mengikut Kementerian dan berapa jumlah gaji dan emolumen tahunan yang perlu dibayar; dan
- (b) statistik menunjukkan negara kita mempunyai kakitangan awam yang paling ramai mengikut ratio bilangan penduduk 1 : 19, adakah keadaan ini mampan dan negara kita mampu bertahan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2017 jumlah penjawat awam adalah seramai 1.59 juta orang termasuk perkhidmatan polis dan tentera. Jumlah peruntukan emolumen bagi kakitangan kerajaan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM77.4 bilion. Bilangan penjawat awam adalah berbeza mengikut Kementerian kerana ia bergantung kepada fungsi dan peranan Kementerian masing-masing. Sebagai contoh, Kementerian yang terlibat dengan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada rakyat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai bilangan kakitangan yang lebih ramai berbanding dengan Kementerian yang terlibat dalam penggubalan, penyelarasan dan pemantauan dasar-dasar berkaitan seperti Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Definisi penjawat awam bagi setiap negara adalah berbeza dan ia bergantung kepada tafsiran di bawah perlembagaan dan undang-undang negara masing-masing serta peranan dan fungsi sistem kerajaan negara tersebut. Di negara Malaysia, Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan telah mentakrifkan Penjawat Awam Malaysia sebagai merangkumi keseluruhan perkhidmatan termasuklah polis dan tentera. Sehubungan dengan itu, saiz Perkhidmatan Awam Malaysia berjumlah 1.59 juta yang mengikut nisbah populasi negara adalah 1:19 iaitu seorang penjawat bagi setiap 19 penduduk adalah munasabah. Bagi negara Singapura sebagai contohnya definisi

penjawat awam tidak termasuk polis dan tentera dan nisbah penjawat awam kepada penduduknya adalah 1:41. Kerajaan telah melaksanakan kawalan saiz Perkhidmatan Awam bagi mengawal jumlah 1.59 juta penjawat awam. Pewujudan jawatan baharu hanya boleh dilaksanakan secara tukar ganti atau *redeployment* jawatan sahaja. Kawalan saiz tidak menghalang pengisian kekosongan jawatan akibat persaraan, peletakan jawatan, kematian dan penamatan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.